



UPM Raih 3 Emas Karate-Do Dan Emas Hoki Wanita



Raja Muda Perlis beramah mesra dengan kontigen UPM.

ARAU, 21 Mei – Tiga atlet Karate-Do UPM berjaya meraih tiga pingat emas acara Kumite dalam Kejohanan Sukan MASUM 2010 Fasa 1 dari 16 hingga 21 Mei lalu di Universiti Teknologi Mara Arau (UiTM) di sini.

Pingat emas disumbangkan oleh Jayaseelan dalam acara 84 kg lelaki ke atas, Kunasilan (lelaki bawah 60 kg), Maalani (wanita bawah 50 kg) sementara dua atlet Karate-Do UPM menyumbangkan dua pingat perak.

Skuad Karate-Do UPM dilatih oleh Ketua Jurulatih Karate-Do Kebangsaan, P. Arivalagan.



Perlawanan pertama antara UPM dengan UPSI.

Sementara itu seperti yang dijangkakan, pasukan hoki wanita UPM mempertahankan pingat emas hoki wanita 6 tahun berturut-turut dengan menewaskan seteru tradisi UiTM 3-0 di Komplek Hijau Kuning, Alor Setar.

Jurulatih hoki, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata berbanding pada tahun sebelumnya, persiapan hoki wanita UPM amat stabil kerana kesemua pemain utama dapat mengambil bahagian kali ini.



Perlawanan kedua antara UPM dengan UTEM.

Pasukan sofbol UPM lelaki dan wanita berjaya menyumbang 2 pingat perak selepas tewas kepada UiTM 7-13 (lelaki) dan 2-9 (wanita).

Walau bagaimanapun, pasukan ragbi 15 UPM gagal meraih sebarang pingat selepas tewas dalam penentuan tempat ketiga dengan Universiti Teknologi Malaysia 12-22.



Perlawanan pertama antara UPM dan UTHM.

Sebanyak 8 acara sukan dipertandingkan dalam Fasa 1 sebelum Fasa 2 MASUM diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai yang berlangsung dari 23-30 Mei ini dengan mempertandingkan 8 acara lain.

Berita disumbangkan oleh Khairul Anuar Muhamad Noh(03-89467469), foto oleh Ahmad Fua'ad Alwi(03-89466199)